

**SKIM PERKHIDMATAN
PENERBIT RANCANGAN**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED GAJI/JAWATAN	:	B4-1, B4-3, B4-5
		B3-1, B3-2, B3-4
		B1-1, B1-2, B1-4, B1-5, B1-6
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:-

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B4-1

- (a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pentas, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B3-1

- (b) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pentas, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (iii) Diploma dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T2).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B1-1

- (c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain.

(Gaji permulaan ditetapkan pada matagaji kurang satu(1) Kenaikan Gaji Tahunan daripada T1 Gred B1-1); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ditetapkan pada matagaji kurang satu(1) Kenaikan Gaji Tahunan daripada T1 Gred B1-1); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1-1: T1).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(ii), 1(b)(ii), 1(b)(iii) atau 1(c) hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PENERBIT RANCANGAN GRED B4-3 ATAU B4-5

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Penerbit Rancangan Gred B4-3 atau B4-5 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PENERBIT RANCANGAN GRED B3-2 ATAU B3-4

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Penerbit Rancangan Gred B3-2 atau B3-4 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(b) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PENERBIT RANCANGAN
GRED B1-2, B1-4, B1-5,
B1-6 ATAU JAWATAN
DALAM KUMPULAN
PENGURUSAN TERTINGGI**

5. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Penerbit Rancangan Gred B1-2, B1-4, B1-5, B1-6 atau jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas;
- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

UJIAN KHAS

6. Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PEPERIKSAAN BAGI
TUJUAN PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN**

7. Penerbit Rancangan hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE MANA-MANA GRED**

8. Penerbit Rancangan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Penerbit Rancangan yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN
PENGURUSAN TERTINGGI**

9. Penerbit Rancangan Gred B1-6 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**SKIM PERKHIDMATAN
AHLI MUZIK**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GREED GAJI/JAWATAN	:	B4-1, B4-3, B4-5
		B3-1, B3-2, B3-4
		B1-1, B1-2, B1-4, B1-5, B1-6
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:-

KELAYAKAN LANTIKAN KE GREED B4-1

- (a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Muzik [Pemuzik Tradisional Melayu (*Musician – Malay Traditional Ensemble*), *Contemporary Musician*, *Musician* atau *Musician (Rhythm Section)*] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T2); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Muzik [Prinsipal Pemuzik Tradisional Melayu (*Principal Musician – Malay Traditional Ensemble*), *Senior Contemporary Musician*, *Principal Musician* atau *Principal Musician (Rhythm Section)*] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T3).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B3-1

- (b) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (iii) Diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T2).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B1-1

- (c) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional.

(Gaji permulaan ditetapkan pada matagaji kurang satu(1) Kenaikan Gaji Tahunan daripada T1 Gred B1-1); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1-1: T1).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(ii), 1(a)(iii), 1(a)(iv), 1(b)(ii), 1(b)(iii) atau 1(c) hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN AHLI MUZIK GRED B4-3 ATAU B4-5

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Ahli Muzik Gred B4-3 atau B4-5 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN AHLI MUZIK GRED B3-2 ATAU B3-4

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Ahli Muzik Gred B3-2 atau B3-4 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(b) dan 2 di atas; dan
- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
AHLI MUZIK GRED
B1-2, B1-4, B1-5, B1-6
ATAU JAWATAN
DALAM KUMPULAN
PENGURUSAN TERTINGGI**

5. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Ahli Muzik Gred B1-2, B1-4, B1-5, B1-6 atau jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas;
- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

UJIAN KHAS

6. Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu atau lebih alat muzik moden atau tradisional sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PEPERIKSAAN BAGI
TUJUAN PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN**

7. Ahli Muzik hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE MANA-MANA GRED
KENAIKAN PANGKAT
YANG LEBIH TINGGI**

8. Ahli Muzik adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Ahli Muzik yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN
PENGURUSAN TERTINGGI**

9. Ahli Muzik Gred B1-6 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**SKIM PERKHIDMATAN
PEREKA**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED GAJI/JAWATAN	:	B4-1, B4-3
		B3-1, B3-2
		B1-1, B1-2, B1-4, B1-5, B1-6
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:-

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B4-1

- (a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Grafik [Pereka Grafik (*Graphic Designer*)] atau Perekabentuk Multimedia [Artis Multimedia - Visual (*Multimedia Artist - Visual*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T2); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Grafik [Eksekutif Rekaan Grafik (*Graphic Designing Executive*)] atau Perekabentuk Multimedia [Pereka Bentuk Multimedia - Animasi & Visual (*Multimedia Designer - Animation & Visual*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T3).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B3-1

- (b) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (iii) Diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T2).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B1-1

- (c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis.

(Gaji permulaan ditetapkan pada matagaji kurang satu(1) Kenaikan Gaji Tahunan daripada T1 Gred B1-1); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1-1: T1).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(ii), 1(a)(iii), 1(a)(iv), 1(b)(ii), 1(b)(iii) atau 1(c) hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEREKA GRED B4-3

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pereka Gred B4-3 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEREKA GRED B3-2**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pereka Gred B3-2 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-
 - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(b) dan 2 di atas; dan
 - (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEREKA GRED B1-2,
B1-4, B1-5, B1-6 ATAU
JAWATAN DALAM
KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

5. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pereka Gred B1-2, B1-4, B1-5, B1-6 atau jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-
 - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas;
 - (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

UJIAN KHAS

6. Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PEPERIKSAAN BAGI
TUJUAN PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pereka hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE MANA-MANA GRED**

8. Pereka adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Pereka yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN
PENGURUSAN TERTINGGI**

9. Pereka Gred B1-6 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KEBUDAYAAN**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED GAJI/JAWATAN	:	B3-1, B3-2, B3-4 B1-1, B1-2, B1-4, B1-5, B1-6
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:-

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B3-1

- (a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T2).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B1-1

- (b) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan.

(Gaji permulaan ditetapkan pada matagaji kurang satu(1) Kenaikan Gaji Tahunan daripada T1 Gred B1-1); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ditetapkan pada matagaji kurang satu(1) Kenaikan Gaji Tahunan daripada T1 Gred B1-1); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B1-1: T1).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- 2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(ii), 1(a)(iii) atau 1(b) hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEGAWAI KEBUDAYAAN
GRED B3-2 ATAU B3-4**

- 3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B3-2 atau B3-4 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEGAWAI KEBUDAYAAN
GRED B1-2, B1-4, B1-5, B1-6
ATAU JAWATAN DALAM
KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

- 4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B1-2, B1-4, B1-5, B1-6 atau jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(b) dan 2 di atas;

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

UJIAN KHAS

- 5. Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PEPERIKSAAN BAGI
TUJUAN PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN**

- 6. Pegawai Kebudayaan hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE MANA-MANA GRED**

- 7. Pegawai Kebudayaan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN
PENGURUSAN TERTINGGI**

8. Pegawai Kebudayaan Gred B1-6 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**SKIM PERKHIDMATAN
ARTIS BUDAYA**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED GAJI/JAWATAN	:	B4-1 B3-1, B3-2
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:-

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B4-1

- (a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B3-1

- (b) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (iii) Diploma dalam bidang seni lakon, seni persembahan, seni tari, seni kreatif, seni drama atau seni teater yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T2).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(ii), 1(b)(ii) atau 1(b)(iii) hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
ARTIS BUDAYA
GRED B3-2**

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Artis Budaya Gred B3-2 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-
 - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(b) dan 2 di atas; dan
 - (b)
 - (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

UJIAN KHAS

4. Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED B3-1**

5. Artis Budaya Gred B4-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Artis Budaya Gred B3-1 yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED B3-2**

6. Artis Budaya Gred B3-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Artis Budaya Gred B3-2 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUFOTOGRAFI**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED GAJI/JAWATAN	:	B4-1, B4-3, B4-5 B3-1, B3-2, B3-4
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:-

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B4-1

- (a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/atau kamera filem atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (*Photographer*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T2); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang fotografi (*Senior Photographer*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T3).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B3-1

- (b) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/atau kamera filem atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T1); atau

- (iii) Diploma dalam bidang fotografi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B3-1: T2).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- 2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(ii), 1(a)(iii), 1(a)(iv), 1(b)(ii) atau 1(b)(iii) hendaklah memiliki Keupujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
JURUFOTOGRAFI
GRED B4-3 ATAU B4-5**

- 3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Jurufotografi Gred B4-3 atau B4-5 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
JURUFOTOGRAFI
GRED B3-2 ATAU B3-4**

- 4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Jurufotografi Gred B3-2 atau B3-4 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(b) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

UJIAN KHAS

- 5. Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni foto, kamera filem atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE MANA-MANA GRED**

- 6. Jurufotografi adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Jurufotografi yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUSOLEK**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED GAJI/JAWATAN	:	B4-1, B4-3, B4-5
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni solek serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T1); atau

- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Juruestetik atau Pendandan Rambut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T2); atau

- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Juruestetik atau Pendandan Rambut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B4-1: T3).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(b), 1(c) atau 1(d) hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
JURUSOLEK GRED
B4-3 ATAU B4-5**

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Jurusolek Gred B4-3 atau B4-5 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

UJIAN KHAS

- 4. Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE MANA-MANA
GRED KENAIKAN
PANGKAT YANG
LEBIH TINGGI**

- 5. Jurusolek adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Jurusolek yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.